

**KEFAHAMAN MASYARAKAT ISLAM TERHADAP  
KEWANGAN DAN PERBANKAN ISLAM DI MALAYSIA  
MELALUI PENGALAMAN PENUBUHAN BANK ISLAM**

Mohd Daud Awang, Norsazali Abdullah &  
Amini Amir Abdullah

**ABSTRAK**

Kefahaman kewangan Islam dibuktikan melalui peningkatan ilmu pengetahuan masyarakat Islam dalam aspek ekonomi. Peningkatan kesedaran umat Islam terhadap pengetahuan kewangan Islam telah mendorong masyarakat Islam mempelajari fiqh Muamalat. Oleh itu, kefahaman terhadap kewangan Islam adalah manifestasi pengetahuan mereka terhadap ilmu Muamalat yang pelajari sama ada secara formal atau tidak formal. Oleh itu, kajian ini membuktikan bahawa pendidikan Islam yang menekankan pengharaman riba menjadi asas pelaksanaan kewangan Islam di Malaysia. Kajian merumuskan tiga tahap kefahaman masyarakat Islam di Malaysia terhadap pelaksanaan sistem kewangan dan perbankan Islam berdasarkan sejarah penubuhan bank Islam. Kajian juga merumuskan bahawa pengalaman pelaksanaan sistem kewangan dan perbankan Islam mampu memperkasakan pengetahuan umat Islam terhadap sistem kewangan dan perbankan Islam.

**Kata Kunci:** kefahaman, masyarakat Islam, kewangan, perbankan Islam, bank Islam

**UNDERSTANDING OF MUSLIM COMMUNITY  
CONCERNING THE FINANCE AND ISLAMIC BANKING IN  
MALAYSIA THROUGH THE ESTABLISHMENT OF  
ISLAMIC BANK.**

**ABSTRACT**

*Understanding of Islamic finance has proved through the enhancement of Islamic knowledge in the economic aspects. The enhancement of Muslim awareness on Islamic finance knowledge promoted Muslim in Malaysia to learn Fiqh Muamalat. Therefore, the understanding of Islamic finance is the manifestation of Muamalat knowledge as learnt*

*formally or informally. Therefore, this study proves that the understanding of the prohibition of usury becoming the basis of the implementation of Islamic finance in Malaysia. The study also has summarized three levels of understanding among the Muslim community in Malaysia through the implementation of Islamic finance and banking system based on the history of the establishment of Islamic bank. The study also concluded that the implementation of Islamic finance and banking system is able to empower the Muslims actions and understanding on Islamic finance and banking system.*

**Key words:** *understanding, muslim community, finance, Islamic banking, Islamic Bank.*

## **PENDAHULUAN**

Kefahaman kewangan dan perbankan Islam di Malaysia amat berkait rapat dengan pengetahuan agama Islam itu sendiri. Antara persoalan penting dalam pengajian fiqh kewangan Islam adalah pengharaman riba. Oleh itu walaupun sejarah penubuhan bank Islam di Malaysia berlaku pada tahun 1983, namun aktiviti kewangan dan perbankan Islam telah bermula sejak 1963, melalui penubuhan Perbadanan Wang Simpanan Bakal-Bakal Haji (PWSBH) yang mana selepas itu dikenali sebagai Lembaga Urusan Dan Tabung Haji (LUTH) (Bank Negara Malaysia (2003). Dengan tertubuhnya LUTH maka terdapat penulis kewangan Islam telah mengatakan bahawa aktiviti perbankan Islam telah bermula di Malaysia pada tahun 60-an. Selain pendapat tersebut terdapat sesetengah pihak pula mengatakan bahawa usaha-usaha melaksanakan kewangan Islam telah bermula pada dekad 40-an (Ab. Mu'min (1999). Perbezaan pandangan terhadap sejarah SPI ini tidaklah bertentangan atau bercanggah antara satu sama lain kerana semua pandangan tidak menafikan bahawa bank Islam yang pertama dengan rasminya hanya wujud pada awal tahun 80-an. Perbezaan pandangan terhadap sejarah SPI tersebut ialah kerana ada pihak yang merujuk kepada sejarah penubuhan Bank Islam secara rasmi di Malaysia dan pihak yang lain pula merujuk kepada sejarah pengamalan perbankan Islam seperti yang diamalkan oleh LUTH. Manakala pandangan ketiga merujuk kepada sejarah penulisan dalam persoalan kewangan Islam di Malaysia pada dekad 40-an.

Berdasarkan kepada pandangan-pandangan yang diberikan oleh sarjana Islam di atas dapat disimpulkan bahawa umumnya pendidikan Islam telah berjaya memberi kefahaman dan kesedaran masyarakat Islam tentang pengamalan muamalat Islam khususnya berkaitan hukum pengharusan jual beli dan pengharaman riba.

### **Penerimaan Masyarakat Islam terhadap Perbankan Islam**

Pada tahun 1983, bank Islam Malaysia ditubuhkan dengan rasminya dengan nama Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) sebagai titik permulaan pelaksanaan sistem perbankan Islam (SPI). Faktor utama pelaksanaan perbankan Islam adalah wujudnya kesepaduan masyarakat Islam menolak amalan riba yang diamalkan dalam perbankan konvensional atau gesaan masyarakat Islam Malaysia yang inginkan sistem perbankan tanpa riba. Keinginan masyarakat Islam Malaysia kepada perbankan tanpa riba dibuktikan dengan perkembangan yang agak pesat terhadap Bank Islam Malaysia Berhad, yang mencerminkan betapa tingginya kemahuan mereka kepada kewujudan bank Islam.

Menurut Muhamad Nejatullah Al-Siddiqi (1983), sejarah merekodkan bahawa selama tiga belas abad masyarakat Islam tidak pernah menghalalkan faedah kecuali setelah berlakunya penjajahan oleh kuasa-kuasa imperialis. Sejarah juga membuktikan bahawa masyarakat Islam telah menjalankan ekonomi serta perdagangan tempatan dan antarabangsa tanpa institusi faedah. Amalan konsep perkongsian untung dalam kewangan Islam dan pelbagai jenis penyertaan tersusun bertindak sebagai saluran-saluran yang cukup untuk tabungan, pelaburan dan modal yang mencukupi telah digerakkan oleh masyarakat Islam dalam pelbagai aktiviti seperti perlombongan, pembinaan kapal, tenunan kain dan industri-industri lain termasuk aktiviti perdagangan laut. Malangnya, penguasaan Barat dalam ekonomi dunia telah memperkenalkan institusi perbankan berdasarkan faedah di negara-negara masyarakat Islam dalam abad ke-20. Namun ianya tidaklah berjaya untuk melibatkan kebanyakan masyarakat Islam sehinggalah sistem tersebut hampir mustahil melainkan ianya mengamalkan aktiviti perdagangan yang sebenar (aktiviti muamalat yang dianjurkan oleh Islam). Tambah Al-Siddiqi lagi, usaha setengah para fukaha palsu yang menghalalkan amalan riba menemui penolakan dan kecaman yang hampir universal. Walaupun keadaan telah memaksa ramai orang untuk terlibat dengan institusi-institusi berdasarkan faedah, kenyataan mengenai pengharamannya tetap

wujud. Hakikatnya kebanyakan masyarakat Islam tetap enggan untuk mempunyai apa-apa kaitan dengan institusi perbankan konvensional meskipun menghadapi kesusahan kerananya.

Dalam membicarakan kesedaran dan penerimaan masyarakat Islam Malaysia terhadap pelaksanaan kewangan dan perbankan Islam, penulis membahagikan situasi tersebut kepada tiga peringkat iaitu sebelum penubuhan bank Islam, semasa penubuhan bank Islam dan selepas penubuhan bank Islam. Kajian ini akan membahaskan bagaimana pelaksanaan kewangan Islam melalui penubuhan institusi kewangan Islam mampu memperkasakan pengetahuan Kewangan Islam dalam kalangan Masyarakat Islam di Malaysia.

### **Kefahaman Masyarakat Terhadap Perbankan dan Kewangan Islam Sebelum Penubuhan Bank Islam di Malaysia**

Kesedaran masyarakat Islam di Malaysia terhadap perbankan Islam sebelum penubuhan bank Islam yang pertama dapat digambarkan dengan sikap mereka yang tidak menyukai amalan perbankan konvensional kerana terdapat amalan riba yang menjadi asas utama sistem perbankan konvensional. Kesedaran tersebut menyebabkan masyarakat Islam menyimpan wang mereka dengan pelbagai cara yang tersendiri seperti mewujudkan kumpulan tertentu (permainan kutu) untuk menyimpan wang di kalangan mereka serta ada juga yang menyimpan di bawah bantal atau di dalam tempayan dan sebagainya (Joni Tamkin Borhan (2006). Amalan menyimpan wang amat penting di kalangan masyarakat Islam di Malaysia supaya mereka dapat menunaikan ibadat haji, untuk tujuan kenduri perkahwinan anak, membina rumah dan sebagainya (Joni Tamkin Borhan (2006). Selain itu, sebahagian masyarakat Islam di Malaysia juga telah mengetahui dan mengamalkan beberapa amalan pinjaman secara Islam iaitu jual janji (*bay' al-Wafa'*) seperti kalangan para petani di Kedah, Perlis, Utara Perak dan Kelantan telah mengamalkan amalan *tersebut* sebelum zaman penjajahan lagi (Joni Tamkin Borhan (2004).

Kefahaman kewangan Islam golongan ini kepada ajaran agama amat kuat dan tidak mahu terlibat dengan riba bank dan juga kegiatan ceti. Masyarakat Islam Melayu telah mengetahui larangan Riba sejak Islam dianuti pada abad yang ke 14 lagi. Dalam kanun Melaka dan lain-lain perundangan Islam di Tanah Melayu ada menyebut hukum riba yang dilarang. Manakala para ulama telah menulis buku-buku agama

mereka dan menyatakan hukum pengharaman riba seperti dalam tulisan Syeikh Ahmad al-Fathani (1856 -1908).

Namun begitu, terdapat juga di kalangan masyarakat Islam yang tidak dapat menolak peranan perbankan seperti golongan usahawan dan peniaga bagi memajukan perniagaan masing-masing (Bank Negara Malaysia (1984). Malahan sebelum kewujudan bank Islam terdapat pandangan tokoh-tokoh Melayu yang menghalalkan riba bank tetapi mengharamkan riba ceti (Abdul Rahman Abdullah (1998). Keadaan masyarakat Islam Melayu tanpa institusi kewangan Islam telah memperlihatkan mereka ketinggalan jauh kebelakang dan mundur dalam kehidupan sosial ekonomi ketika itu. Keadaan ini menyebabkan masyarakat Islam tiada pilihan dalam kegiatan penyimpanan wang dan kemudahan pembiayaan sehinggalah tertubuhnya institusi simpanan wang untuk menunaikan haji pada 1963 yang dikenali sebagai Perbadanan Wang Simpanan Bakal-Bakal Haji (PWSBH) dan Koperasi Belia Islam (KBI) pada tahun 1976 (Ausaf Ahmad (1995). Pada tahun 1969, PWSBH telah disatukan dengan Pejabat Urusan Hal Ehwal Haji membentuk Lembaga Urusan Tabung Haji (LUTH) dan sekarang ia dinamakan sebagai Lembaga Tabung Haji (LTH).

Cadangan bagi mewujudkan Lembaga Urusan Tabung Haji adalah merupakan cadangan Prof. Ungku Aziz pada tahun 1959 lagi (Syed Othman Alhabshi (1989). Beliau merupakan salah seorang pakar ekonomi Muslim ketika itu yang sentiasa sensitif terhadap nasib serta semangat ingin memajukan masyarakat Islam di Malaysia. Beliau merupakan bekas naib cancellor dan pensyarah Universiti Malaya. Menurut sesetengah sarjana Islam, lembaga tersebut merupakan institusi kewangan Islam yang pertama diperkenalkan sebagaimana yang telah diutarakan sebelum ini (LUTH adalah sebuah institusi tabungan kepada masyarakat Islam Malaysia yang ditubuhkan untuk membolehkan orang-orang Islam menyimpan wang secara beransur-ansur bagi memenuhi perbelanjaan menunaikan fardu Haji. Di samping itu, wang simpanan mereka dijadikan modal dalam lapangan perusahaan, perdagangan, perladangan, dan hartanah melalui cara-cara yang halal di sisi Islam seperti *al-Mudarabah*, *al-Musyarakah* dan sebagainya. Dengan konsep ini penyimpan dan pihak institusi ini akan mendapat keuntungan mengikut prinsip perkongsian Islam (Nik Mustafa Nik Hassan (2004). Berdasarkan amalan penyimpanan dan prinsip-prinsip Muamalah yang dilaksanakan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji maka secara tidak langsung amalan perbankan Islam

telah diamalkan di Malaysia. Dengan usaha ini, sesetengah pihak berpendapat bahawa Lembaga Urusan dan Tabung Haji merupakan sebahagian daripada sejarah sistem perbankan Islam kerana operasinya menepati maksud sebahagian daripada sistem perbankan Islam yang mana LUTH juga menggunakan prinsip-prinsip dan amalan kewangan yang berlandaskan syariah. Walaupun ia bukan institusi perbankan Islam yang ditubuhkan di bawah undang-undang bank Islam. Namun kejayaan Lembaga Urusan dan Tabung Haji tetap menjadi faktor penting kepada keyakinan masyarakat Islam terhadap penubuhan bank Islam atau sistem perbankan Islam di Malaysia (Ab. Mu'min Ab. Ghani (1999)).

Selain Lembaga Tabung Haji, satu lagi institusi yang menjalankan aktiviti sistem perbankan Islam atas kesedaran masyarakat Islam ialah Koperasi Belia Islam (KBI) yang ditubuhkan pada 31 Mei 1977 atau pertengahan tahun 70-an. KBI didaftarkan sebagai sebuah syarikat kerjasama di bawah Ordinan Koperasi 1948 dan bernaung di bawah Jabatan Pembangunan Koperasi Wilayah Persekutuan, iaitu sebuah badan induk pergerakan koperasi (Zainal Abidin Hashim (1997)). Usaha penubuhan KBI adalah merupakan sumbangan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) untuk merealisasikan amalan muamalah Islam dan ekonomi Islam di Malaysia. Berdasarkan kepada tahun penubuhan KBI menunjukkan bahawa sebelum bank Islam berjaya ditubuhkan di Malaysia, KBI yang memainkan peranan sebagai institusi yang menjalankan aktiviti perbankan Islam kepada masyarakat Islam seperti kemudahan pinjaman secara Islam.

Aktiviti utama koperasi ialah untuk memberikan kemudahan pinjaman berdasarkan prinsip Islam kepada ahli-ahlinya. Penubuhan KBI hakikatnya adalah suatu usaha untuk membuktikan kemampuan untuk melaksanakan sistem kewangan Islam di Malaysia melalui saluran koperasi. Ini kerana isu perbankan Islam masih diperdebatkan dan terdapat pihak yang tidak yakin dengan pelaksanaan perbankan Islam dapat menyelesaikan isu Riba kerana mereka berpendapat sistem perbankan tidak boleh lari daripada amalan Riba. Menurut Zainal Abidin (1997), KBI telah dapat memenuhi keperluan ahlinya melalui pinjaman kenderaan, harta tanah, pembinaan rumah, pembelian alat-alat elektrik, perabot, pinjaman al-Qardhul Hasan dan bantuan kebajikan umum. Namun begitu perkhidmatan KBI amat terbatas, ia hanya boleh dimanfaatkan oleh ahli-ahli koperasi tersebut sahaja ketika itu kerana ia ditubuhkan di bawah Akta Koperasi. Selain aktiviti

perbankan, badan ini amat aktif dalam pelbagai aktiviti perniagaan seperti industri ICT (*Information and Communication Technology*), pendidikan, hartanah dan pelaburan kewangan. Walaupun ia adalah sebuah badan koperasi dan bukan bank namun ia berjaya membawa pendekatan sistem kredit Islam yang dijalankan oleh bank-bank konvensional. Kejayaan ini dapat dilihat dengan peningkatan modal pusingan kepada empat juta ringgit dalam masa empat tahun ketika itu, sekaligus dapat memantapkan skim pembiayaan kepada ahlinya.

Kejayaan KBI melaksanakan agenda muamalat Islam telah membuka mata masyarakat Islam bahawa sistem kredit Islam atau lebih luas lagi sistem perbankan Islam bukan suatu perkara yang mustahil untuk dipraktikkan secara Islam, malahan mampu membentuk produk-produk perbankan Islam yang inovatif sebagai alternatif amalan riba yang diamalkan di bank konvensional. Menurut Haris Abd. Rahman, ramai pakar kewangan Islam dalam KBI ketika itu telah dilantik sebagai ahli-ahli profesional dan syariah dalam proses pembentukan bank Islam. Oleh sebab itulah, produk-produk Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) ada persamaan dengan bentuk dengan produk-produk Koperasi Belia Islam (KBI).

### **Kefahaman Masyarakat Terhadap Perbankan dan Kewangan Islam Semasa Penubuhan Bank Islam di Malaysia**

Sejarah penubuhan bank Islam bermula daripada hasil Kongres Ekonomi Bumiputra 1980 dengan usul supaya kerajaan membenarkan LUTH menubuhkan bank Islam untuk mengumpul dan melabur wang masyarakat Islam (Bank Negara Malaysia (1999). Kemudian cadangan penubuhan bank Islam disuarakan lagi dalam seminar kebangsaan konsep pembangunan dalam Islam di UKM pada tahun 1981 (Mohd Nazri Chik (2004). Seminar tersebut meluluskan resolusi meminta kerajaan mengadakan undang-undang bagi membolehkan penubuhan bank Islam (Muhammad Kamal Azhari (1990). Terdapat dua faktor yang mempengaruhi bank Islam di Malaysia iaitu faktor dalaman, kesepaduan masyarakat Islam dan faktor luaran melalui kejayaan bank-bank Islam Timur Tengah seperti *Dubai Islamic Bank* di Dubai dan *Islamic Development Bank* di Arab Saudi. Dua faktor tersebut sangat mempengaruhi penubuhan bank Islam di Malaysia (Sudin Haron (1996).

Proses penubuhan bank Islam bermula pada tahun 1981 di mana kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Pemandu untuk membuat kajian penubuhan bank Islam tersebut. Menurut Sally Cheong (1990), jawatankuasa ini dianggotai oleh 14 ahli dan dipengerusikan oleh Y.M. Raja Tan Sri Mohar bin Raja Badiozzaman dan LUTH sebagai urusetia Jawatankuasa tersebut (Nor Mohammed Yakcob (1996). Kajian tersebut telah mengambil masa selama setahun. Masa yang diambil dikatakan agak lama kerana bagi mengenalpasti pelan serta langkah berhati-hati supaya penubuhan bank Islam tidak mengalami proses rombakan dan pengulangan. Laporan Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan Bank Islam tersebut menyatakan adalah seperti berikut (Jabatan Penerangan Malaysia (1995) :

1. Sebuah Bank Islam yang menjalankan operasi mengikut lunas-lunas hukum syarak hendaklah ditubuhkan.
2. Bank Islam tersebut hendaklah diperbadankan sebagai sebuah syarikat di bawah Akta Syarikat 1965.
3. Oleh kerana Akta Bank 1973 tidak sesuai bagi operasi Bank Islam maka satu peruntukkan undang-undang yang dikenali sebagai Akta Bank Islam 1983 hendaklah diadakan untuk melesenkan serta menyelia dan mengawasi bank Islam. Pengawasan Bank Islam di bawah Akta ini hendaklah dilakukan oleh Bank Negara Malaysia.
4. Bank Islam hendaklah menubuhkan Majlis Pengawasan Syariah untuk menentukan bahawa ia menjalankan urus niaganya mengikut lunas-lunas hukum syarak.

Berdasarkan laporan Jawatankuasa tersebut kerajaan Malaysia telah bersetuju menubuhkan bank Islam dan pada 1 Julai 1983. Penubuhan bank Islam tersebut iaitu Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) ditubuhkan dengan rasminya (Nik Mustafa Nik Hassan (2004). Ketua eksekutif pertama BIMB yang dilantik ialah Dato' Dr. Abd. Halim Ismail<sup>1</sup>. BIMB diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 1

---

<sup>1</sup> Datuk Dr. Abd. Halim Ismail dilahirkan di Kampung Alur Ganu, Kepala Batas dan bekas pelajar Kolej Sultan Abdul Hamid. Pada 1962 beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang ekonomi. Beliau merupakan anak Melayu pertama memperoleh Ijazah doktor falsafah (PhD) daripada Universiti Oxford England pada 1970. Sebelum menerajui BIMB, pada tahun 1977 beliau merupakan Pengurus Besar dan Ketua Ekonomi, Perancangan dan Pembangunan Bank Bumiputra Malaysia Berhad. Beliau juga merupakan salah seorang ahli Jawatankuasa pemandu Bank Islam. Kemudian dilantik sebagai Pengurus Besar BIMB yang pertama pada tahun 1983 hingga tahun 1994. Beliau juga merupakan Penasihat Syariah Bank Negara ketika itu. Setelah bersara beliau menyertai BIMB Securities Sdn. Bhd. dan kini



Mac 1983 kerana undang-undang bank Islam belum wujud ketika itu. Undang-undang bank Islam atau Akta Bank Islam 1983 mula berkuatkuasa sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, iaitu pada 11 Mac 1983, dengan peraturan-peraturan tertentu bagi menubuhkan bank Islam (Sudin Haron (1996)). Pada 1 Julai 1983, BIMB telah mula beroperasi dengan rasminya sebagai sebuah bank Islam di Kuala Lumpur (Bank Negara Malaysia (1984)). Dalam tahun yang sama, kerajaan telah meluluskan satu lagi undang-undang iaitu Akta Pelaburan Kerajaan 1983 (Akta 275) (Sudin Haron (1996)). Akta ini penting kerana tanpanya bank Islam tidak boleh menjalankan aktiviti pelaburan sebagai alat kecairan wang secara Islam yang sah sebagai menurut undang-undang (Bank Negara Malaysia (1984)). Penubuhan bank Islam dengan nama Bank Islam Malaysia Berhad ditubuhkan dengan modal dibenar RM 500 juta dan modal berbayar sebanyak RM80 juta. Jumlah tersebut adalah daripada sumber beberapa pihak tertentu seperti kerajaan Malaysia menyumbang RM30 juta, LUTH RM10 juta, RM 5 juta dari Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Majlis Islam negeri-negeri RM 20 juta, perbadanan dan Yayasan Ugama Negeri RM 3 juta dan Perbadanan Peringkat Persekutuan RM 12 juta (Abd. Halim Ismail (1990)).

Kejayaan penubuhan bank Islam tidak akan tercapai tanpa wujud individu-individu yang memiliki wawasan Islam dalam kerajaan khususnya bagi mewujudkan bank Islam di Malaysia<sup>2</sup>. Selain daripada

---

menjadi Pengarah Urusan anak syarikat broker saham Bank Islam tersebut. Pada tahun 2004 beliau telah dipilih sebagai tokoh Maal Hijrah 1425 H, dan sebagai bapa perbankan Islam di Malaysia. *Biografi Tokoh Ma'al Hijrah Peringkat Kebangsaan 1408-1426*, (2006), JAKIM, h. 477- 491.

<sup>2</sup> Antara isi ceramah umum Tan Sri Jaafar Hussein di Universiti Sains Malaysia tahun 1990 katanya menggambarkan bank Islam, "Umpama setitis air yang mengalir dari daun kayu itu tidak berhenti pengalirnya, melalui tasik dan sungai, melalui gua dan saluran bawah tanah, kadangkala naik melalui timba atau sedutan paip, membasahi sawah dan ladang, akhirnya tiba dan bersatu semula di samudera luas. Begitu jugalah halnya dengan sistem kewangan Islam di Malaysia. Dari satu titik permulaan, insya-Allah, akan terus berkembang, mampu menyesuaikan diri dengan perubahan ekonomi dan urusan bank di dalam dan di luar negeri, mengemukakan idea yang praktikal dan realistik, menanamkan keyakinan kepada seluruh masyarakat, membuktikan kesanggupan bertahan dalam apa juga suasana." Lihat Nor Mohamed Yacop (1996), hlm. viii. Bagi penulis, ucapan Tan Sri Jaafar ini, menunjukkan bahawa beliau mahukan perbankan Islam di Malaysia agar berjaya dibangunkan sehingga ke peringkat antarabangsa. Menurut Tan Sri Nor Mohamed Yacop lagi, Tan Sri Jaafar Hussein telah menunjukkan keyakinan yang begitu kuat terhadap sistem perbankan

Tun Dr Mahathir Mohammad selaku Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan, Tan Sri Jaaffar Hussein selaku gabenor Bank Negara Malaysia (Sally Cheong (1990), Dr. Abd Halim Ismail, Nor Mohamed Yakcop<sup>3</sup> dan beberapa tokoh ulama serta sarjana Islam juga turut memainkan peranan meyakinkan kerajaan bagi penubuhan bank Islam tersebut. Golongan para ulama dan intelektual Islam di seluruh negara pula telah berusaha memberi kefahaman dan kesedaran kepada masyarakat tentang betapa pentingnya mewujudkan institusi kewangan secara Islam agar dapat berperanan dan sebagai alternatif kepada perbankan konvensional bagi mengelak daripada terlibat dengan kegiatan Riba dalam operasi bank, saham dan sebagainya. Penulis juga berpandangan bahawa pendidikan Islam di Malaysia berjaya melahirkan ramai tokoh kewangan Islam sama ada secara langsung dan juga tidak langsung. Gabungan intelektual ekonomi dan ulama Melayu Islam adalah suatu kelebihan alam Melayu menjadi perintis kepada penubuhan bank Islam.

Dalam konteks ini, dapatlah digambarkan bahawa penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad adalah merupakan usaha masyarakat Islam dan kerajaan negara ini untuk menyertai gerakan masyarakat Islam sejagat bagi mendaulahkan dan mengamalkan hukum dan peraturan syariah dalam bidang urusan bank dan kewangan. Usaha ini merupakan kejayaan yang pertama seumpamanya yang telah dilakukan di kawasan Asia Tenggara di mana Malaysia sebagai negara di Asia Tenggara yang pertama menubuhkan Bank Islam. Secara umumnya penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) tercapai pada awal tahun 80-an adalah hasil sokongan yang padu daripada semua pihak samada kerajaan dan juga rakyat khususnya masyarakat Islam di Malaysia. Manakala sokongan padu masyarakat Islam itu sendiri adalah hasil

---

Islam. Tan Sri Nor Mohamed Yakcop juga menyatakan peranan Dato' Seri Anwar Ibrahim yang telah membawa sistem perbankan Islam (SPI) daripada pinggir ke arus perdana perbankan dan menerajui SPI ke seluruh negara. Dato' Seri Anwar Ibrahim terkenal sebagai seorang aktivitis Islam sejak zaman persekolahannya lagi.

<sup>3</sup> Beliau ialah salah seorang pegawai Bank Negara Malaysia (1968-1994). Beliau terlibat semasa penubuhan BIMB. Beliau juga merupakan arkitek Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) dan Skim al-Rahn pada 1993 dan arkitek NPA. Pada Julai 1994 hingga Februari 1995 beliau berkhidmat di Rashid Hussain Berhad (RHB) dan memperkenalkan Skim Pembrokeran Islam serta skim tersebut menjadi model kepada bank-bank lain. Selain itu beliau terlibat bagi penubuhan Suruhanjaya Securitit Malaysia dan Rating Agency Malaysia Berhad, pengerusi Mun Loond Berhad dan penasihat Abrar Group International.

pengembangan pendidikan Islam yang menyeluruh mencakupi urusan kehidupan dapat difahami dengan baik.

### **Kefahaman Masyarakat Terhadap Perbankan dan Kewangan Islam Selepas Penubuhan Bank Islam di Malaysia**

Kesedaran dan sokongan padu masyarakat Islam tidak terhenti dengan kejayaan penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) sahaja. Peranan kerajaan bagi mendaulatkan perbankan Islam terus diutamakan dengan peluang beroperasi secara tunggal selama sepuluh tahun daripada 1983 hingga 1992. Penubuhan BIMB telah memberi kesedaran dan peluang terbaik masyarakat Islam untuk memanfaatkan institusi SPI dalam mengembangkan kekayaan mereka melalui pembiayaan yang disediakan. Maksud tersebut diutarakan dalam tulisan buku terbitan Bank Negara Malaysia bertajuk “Wang dan Urusan Bank di Malaysia” menunjukkan bahawa pada akhir tahun 1974, kredit Bumiputera (termasuk Muslim) berjumlah RM 537.3 juta, tetapi pada akhir tahun 1983, jumlah tersebut meningkat kepada RM 8,368 juta. Penulis berpandangan kewujudan Bank Islam Malaysia Berhad pada 1983 telah menyumbang kepada peningkatan kredit Bumiputera dalam mengembangkan kekayaan mereka apabila perbankan Islam dilaksanakan. Kejayaan tersebut telah mendorong bank-bank konvensional untuk menawarkan sistem perbankan Islam. Pada tahun 1993 Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) mula diperkenalkan (Ab. Mu'min Ab. Ghani (1999)). Skim ini dirangka untuk membenarkan institusi kewangan konvensional menawarkan khidmat perbankan Islam secara berperingkat-peringkat yang melibatkan beberapa fasa.

Pada Mac 1993, SPTF telah dilancarkan oleh Menteri kewangan ketika itu iaitu Dato' Seri Anwar Ibrahim. Ia melibatkan tiga buah bank perdagangan yang terbesar di Malaysia iaitu Malayan Banking Berhad, Bank Bumiputra Malaysia Berhad dan United Malayan Banking Corporation Berhad (Joni Tamkin Borhan (2001)). Bilangan angka institusi kewangan dan perbankan yang menawarkan SPI terus meningkat dari masa ke semasa dan tahun ke tahun. Pada tahun 1993 juga, Bank Rakyat iaitu bank yang ditubuhkan di bawah Akta Koperasi atau sebagai bank koperasi mula memperkenalkan skim al-Rahn atau Skim pajak gadai Islam (Nor Mohammed Yacop (1996)). Bank ini, kemudian telah mengambil langkah menukarkan semua operasinya kepada sistem yang berteraskan syariah atau sistem perbankan Islam.

Skim al-Rahn ini telah memberi saingan kepada syarikat pajak gadai konvensional sehingga mereka juga menawarkan skim pajak gadai secara Islam (al-Rahn). Dalam masa yang sama terdapat juga syarikat-syarikat tak berlesen menawarkan skim al-Rahn kerana skim ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat. Hal ini menunjukkan bahawa amalan kewangan Islam lebih memberi keadilan kepada pengguna.

Pada 1 Oktober 1999, bank Islam kedua di Malaysia ditubuhkan iaitu Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) dan merupakan bank Islam yang pertama ditubuhkan di bawah Akta Bank Islam 1983 dan merupakan bank perdagangan Islam kedua di Malaysia. Bank ini pada asalnya ialah unit perbankan Islam Bank Bumiputera Malaysia Berhad (BBMB). Pembentukan BMMB diperkenalkan apabila BBMB bergabung dengan Commerce Bank Berhad di mana unit perbankan Islam di kedua-dua bank tersebut disatukan dan dijadikan sebuah bank baru iaitu BMMB yang beroperasi sepenuhnya berlandaskan Syariah. Walaupun Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) bergerak secara bersendirian, namun BBMB masih memiliki modal ekuitinya dalam BMMB sebanyak 30%. Kemudian usaha mewujudkan bank Islam semakin mendapat perhatian semua pihak.

Kini masyarakat Malaysia tidak sukar lagi mendapatkan perkhidmatan perbankan Islam kerana boleh dikatakan kebanyakan bank konvensional di Malaysia ada menawarkan kemudahan perbankan Islam. Masyarakat Malaysia kini boleh memilih samada ingin menggunakan perbankan Islam atau konvensional di mana-mana cawangan kebanyakan bank di Malaysia. Di samping itu, terdapat juga bank-bank konvensional tempatan yang membuka cawangannya dengan menjalankan 100% perbankan Islam seperti Maybank Islamic, CIMB Islamic dan sebagainya. Malah kini beberapa bank Timur Tengah membuka bank Islam mereka di Malaysia seperti Kuwait Finance House, Al-Rajhi dan sebagainya.

## **KESIMPULAN**

Kajian ini merumuskan bahawa kejayaan pelaksanaan perbankan Islam di Malaysia adalah hasil daripada kesedaran masyarakat Islam terhadap kepentingan kewangan Islam dalam amalan kehidupan. Hakikatnya, peranan pendidikan Islam berjaya memberi kefahaman umat Islam di Malaysia terhadap sistem kewangan dan perbankan Islam melalui

penolakan amalan riba. Penubuhan LUTH, KBI dan BIMB, merupakan kejayaan Umat Islam di Malaysia bagi mendaulahkan dan mengamalkan hukum dan peraturan Syariat dalam bidang kewangan dan perbankan Islam. Kajian ini menyimpulkan kefahaman umat Islam di Malaysia kepada tiga tahap iaitu pertama; kesedaran dan penerimaan terhadap perbankan Islam sebelum wujud LUTH, Koperasi Belia Islam (KBI) dan BIMB iaitu masyarakat Islam tidak mengetahui dan tidak yakin amalan kewangan Islam boleh dijalankan secara moden. Mereka hanya mengetahui bahawa segala amalan peminjaman melalui perbankan akan terlibat dengan riba. Ini bermaksud kebanyakan masyarakat Islam tidak menerima amalan perbankan secara total. Kedua; kesedaran dan penerimaan masyarakat terhadap perbankan Islam selepas wujudnya LUTH dan KBI tetapi sebelum wujudnya BIMB. Masyarakat Islam hanya mengetahui dan yakin beberapa amalan kewangan Islam boleh dijalankan dalam sistem moden. Ketiga; kesedaran dan penerimaan terhadap perbankan Islam setelah wujudnya BIMB di mana masyarakat Islam telah mengetahui dan yakin terhadap pelbagai amalan kewangan serta perbankan Islam secara moden boleh dilaksanakan sebagaimana perbankan konvensional.

## **RUJUKAN**

- Ab. Mu'min Abd. Ghani. (1999). *Sistem Kewangan Islam Dan Pelaksanaannya Di Malaysia*, Kuala Lumpur ; JAKIM.
- Abd. Aziz Mohd. Yaacob. (1989). *Islamic Banking And Economic Development*, Michigan: University of Maryland.
- Abd. Halim Ismail. (1990). "Bank Islam Malaysia Berhad Principle and Operations" dalam Kertas kerja Seminar on Financial Institutions in Accordance with Shariah Ministry of Finance, Indonesia and Islamic Development Bank , Jeddah Jakarta, 17-19 September 1990.
- Abdul Rahman Hj. Abdullah. (1998). *Pemikiran Islam Di Malaysia Sejarah Dan Aliran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka & Pusat Pendidikan Jarak Jauh USM.
- Ausaf Ahmad (Dr). (1995). "The Evolution of Islamic Banking" dalam *Encyclopedia of Islamic Banking and Insurance*, London: Institute Of Islamic Banking And Insurance.
- Bank Negara Malaysia. (1984). *Wang dan Urusan Bank di Malaysia*.
- Bank Negara Malaysia. (1999). *Bank Negara Malaysia 1989-1999*.
- Bank Negara Malaysia 25 Tahun Pertama 1959-1984. (1984). Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Berita Harian, Tokoh Maal Hijrah, 23 Februari 2004; Biografi Tokoh Ma'al Hijrah Peringkat Kebangsaan 1408-1426. (2006).

44 | ***Kefahaman Masyarakat Islam Terhadap Kewangan dan Perbankan Islam Di Malaysia Melalui Pengalaman Penubuhan Bank Islam***

- BIMB Penubuhan dan Operasi. (1983).
- Dinsman, Menerokai Sistem Kewangan Yang Adil, Dewan Masyarakat, Januari (1994).
- Dinsman, Sistem Perbankan Syariah Bank Rakyat, Dewan Masyarakat, Januari. (1994).
- Dinsman, SPTF Bukan Saingan Sistem Riba, Dewan Masyarakat, Mac. (1994).
- Info Perbankan. (2003). Perbankan Islam, Bank Negara Malaysia.
- Jabatan Penerangan Malaysia. (1995). Organisation and Operations BIMB.
- Johnson Pang & Nathaniel G. Savarimuthu. (1991). *Pengurusan Bank di Malaysia*, Petaling Jaya: Longman Malaysia.
- Joni Tamkin Borhan. (2004). “*Pelaksanaan Prinsip Syariah dalam Amalan Perbankan Islam di Malaysia*” dalam Abdullah Alwi Hassan (Dr) (ed) et. al., *Teori dan Aplikasi Kontemporari Sistem Ekonomi Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Joni Tamkin Borhan. (2001). “*Isu-Isu Syariah Dalam Sistem Perbankan Islam*” dalam PEMIKIR, Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Joni Tamkin Borhan. (2004). “*Pemikiran Syeikh Ahmad al-Fathani Dalam Ekonomi Islam*”, dalam Mohd Fauzi Hamat (ed) et.al, *Pemikiran Islam dan Cabaran Semasa*, Kuala Lumpur: Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Joni Tamkin Borhan. (2006). “*Budaya Setempat Sebagai Asas Pertimbangan Produk Muamalat Perbankan Islam*”, dalam *Hukum Islam dan Budaya Setempat*, oleh Md. Salleh Hj. Md @ Hj. Ahmad (ed) et. al., Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Joni Tamkin Borhan. (2000). “*Budaya Muamalat Setempat Sebagai Asas Pertimbangan Produk-Produk Muamalat Islam Dalam Amalan Perbankan Islam*” dalam Seminar Hukum Islam III Peringkat Kebangsaan, Universiti Malaya, 7 – 8 September 2000.
- Mohd Nazri Chik. (2004). “*Aplikasi Teori-Teori Usul al-Fiqh Dalam Keputusan-Keputusan Majlis Pengawasan Syariah BIMB*”, dalam Seminar Kebangsaan Usul Fiqh 2004, di ESSET Anjuran KUIM, 15-16 Disember 2004.
- Muhammad Kamal Azhari. (1990). *Bank Islam Teori Dan Praktik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Muhammad Nejatullah Siddiqi. (1983). *Issues In Islamic Banking*, London: The Islamic Foundation.
- Nik Mustafa Nik Hassan dan Mazilan Musa. (2004). “*An Evaluation of Islamic Banking Development in Malaysia*”, dalam Bala Shanmugam (ed) et al., *Islamic Banking An International Perspective*, Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Nor Mohamed Yakcob. (1996). *Teori , Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

45 | ***Kefahaman Masyarakat Islam Terhadap Kewangan dan Perbankan Islam Di Malaysia Melalui Pengalaman Penubuhan Bank Islam***

- Sally Cheong. (1990). *Bumiputera Controlled Companies In The KLSE*. Selangor: Modern Law Publishers & Distributors.
- Shamsuddin Abdul Kadir. (1994). *Islamic Banking Practice from The Practitioner's Perspective*. Kuala Lumpur: BIMB, h. 155,
- Sudin Haron. (1996). *Prinsip Dan Operasi Perbankan Islam*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Syed Othman Alhabshi. (1989). *Islam Ekonomi Dan Pengurusan*, Shah Alam: Penerbitan HIZBI.
- Ungku Abdul Aziz. (1959). *Pilgrims Economy Improvement Plan*, Kuala Lumpur, LUTH.
- Zainal Abidin Hashim. (1997). *Koperasi di Malaysia Asas dan Pergerakan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

***Dr. Mohd Daud Awang***  
*Pensyarah, Fakulti Ekologi Manusia*  
*Universiti Putra Malaysia*  
*Serdang, Selangor.*  
*Email: [amdaud@upm.edu.my](mailto:amdaud@upm.edu.my)*

***Dr Norsazali Abdullah***  
*Pensyarah, Fakulti Ekologi Manusia*  
*Universiti Putra Malaysia*  
*Serdang, Selangor.*  
*Email: [sazali@unikl.edu.my](mailto:sazali@unikl.edu.my)*

***Dr. Amini Amir Abdullah***  
*Pensyarah, Fakulti Ekologi Manusia*  
*Universiti Putra Malaysia*  
*Serdang, Selangor.*